

23 NOV 2002

Mahathir-Bersara/I

MAHATHIR SAHKAN BERSARA PADA OKTOBER TAHUN DEPAN

Oleh: Wan A Hulaimi Paris

PARIS, 23 Nov (Bernama) -- "Keputusan saya untuk bersara pada Oktober depan adalah muktamad," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu perhimpunan masyarakat Malaysia di sini.

"Tidak baik bagi negara dan parti jika saya mengubah fikiran," katanya pada Jumaat.

"Adakah anda akan bersara sepenuhnya?" tanya seorang pelajar.

"Tidak, saya hanya tidak mempunyai jawatan. Saya akan terus berkhidmat untuk Barisan Nasional (BN) dan kerajaan bagi memastikan ia terus berjaya. Bukannya saya hendak mengundur diri sepenuhnya. Adalah sukar untuk berbuat demikian," katanya.

Ditanya oleh seorang lagi pelajar sama ada beliau akan mengubah keputusannya, Dr Mahathir berkata, "Tidak, anda dijamin bahawa saya tidak akan mengubah fikiran."

Majlis sepetang bersama Perdana Menteri adalah satu majlis istimewa untuk masyarakat Malaysia di sini, yang menurut Duta Malaysia ke Perancis Tunku Datuk Nazihah Tunku Mohamed Rus, dihadiri kira-kira 600 orang.

Ia juga merupakan majlis yang penuh ceria dengan Dr Mahathir, yang kelihatan lebih relaks, berdialog dengan para hadirin terdiri daripada orang muda dan veteran yang sudah lama tinggal di negara Eropah, yang kebanyakannya memuji beliau.

"Negara kita telah berjaya, tetapi masih belum mencapai tahap yang diinginkan saya," kata Dr Mahathir.

Beliau kesal kerana masih ada jurang di antara kaum tetapi Malaysia berjaya mencapai kedudukan teratas di antara negara-negara membangun.

Sambil menikmati hidangan "buka puasa" dengan lauk-pauk Malaysia yang enak di kediaman Tunku Nazihah, di Rumah Malaysia yang terletak di wilayah pentadbiran mewah di sini, banyak pertanyaan yang disoal kepada Perdana Menteri adalah berkisar kepada perkara peribadi dan tidak kurang yang

menyatakan kesedihan kerana Dr Mahathir mahu melepaskan jawatannya itu.

Pengawal Perdana Menteri juga terpaksa mengawal hadirin apabila mereka menyerbu untuk bersalaman dengan beliau sejurus selepas tiba di Rumah Malaysia itu pada 8.30 malam.

"Bagaimana anda mengekalkan kesihatan?," tanya seorang hadirin.

"Jawapannya ialah "kesederhanaan" - sentiasa sederhana dalam melakukan semua perkara.

"Apabila saya menikmati hidangan yang disajikan oleh duta malam ini, saya berselera untuk makan lagi, tapi saya beritahu diri saya, tidak, jangan ikut nafsu," kata beliau.

Beliau kemudian bercakap mengenai perkara lebih serius seperti pendidikan sekolah kebangsaan.

"Kaum Cina tidak suka menghantar anak ke sekolah kebangsaan kerana ada banyak bahasa diajar di situ, kaum India juga mahu mendidik anak-anak mereka dalam bahasa ibunda mereka, manakala orang Melayu mahu menghantar anak-anak ke sekolah agama," katanya.

Untuk mengatasinya, kerajaan merangka rancangan untuk menempatkan golongan muda bersama-sama, mungkin selama enam bulan, bagi membolehkan mereka saling mengenali satu sama lain, katanya.

"Satu cadangan oleh (aktivis sosial) Tan Sri Lee Lam Thye ialah memperkenalkan Khidmat Negara," kata beliau.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk mesyuarat sehari 18 negara bagi pembinaan semula Lubnan di Istana Elysee pada Sabtu di bawah naungan Presiden Perancis Jacques Chirac, juga sekali lagi dikerumuni para hadirin semasa beliau meninggalkan majlis itu.

Ramai yang meminta beliau menandatangani kepingan kertas masing-masing.

Seorang kakitangan di Kedutaan Malaysia di sini pula meminta beliau menandatangani teg namanya, seorang wanita meminta beliau menandatangani gambar lawatan perdana menteri ke sini sebelum ini manakala yang lain setia menunggu untuk bergambar dengannya.

Seorang pengusaha restoran tempatan, keturunan Cina Malaysia, dilihat cuba membaiki kamera mudah buang yang mengeluarkan bunyi bising.

"Sekarang saya tahu kenapa ia mengeluarkan bunyi yang bising," katanya.

"Ia bukan buatan Malaysia."

-- BERNAMA

WAH LES JK NAK